

19/02/1998

Mahathir, Sultan Brunei bincang kegawatan

Lichong Angkui in Bandar Seri Bagawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini mengadakan pertemuan empat mata dengan Sultan Hassanah Bolkiah di Royal Brunei Golf and Country Club (RBGCC) di Jerudong, kira-kira 15 kilometer dari sini.

Pertemuan lebih sejam itu bermula jam 8.30 malam, diikuti majlis makan malam.

Hadir sama pada jamuan persendirian itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta isteri Sultan Brunei, Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Ketika Dr Mahathir mengadakan perbincangan tertutup dengan Sultan Brunei, Dr Siti Hasmah dibawa melawat Pusat Perubatan Jerudong dan Pusat Tenunan, juga di Jerudong.

Dr Mahathir yang tiba petang tadi adalah dalam rangka lawatan kerja dua hari ke negara Brunei Darussalam. Ia menyusul kepada siri lawatan ke negara Asean - didahului Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura.

Lawatan ini antara lain bertujuan membincang soal kegawatan ekonomi yang melanda rantau Asia Tenggara.

Terdahulu ketibaan Dr Mahathir dan isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Bandar Seri Bagawan jam 5.20 petang disambut oleh Menteri Industri dan Sumber Utama Brunei, Pehin Dato Awang Abdul Rahman Mohamad Taib dan isteri, Datin Edah Taib serta Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei, Wan Yusof Wan Embong dan isteri, Kamariah Abdul Kadir.

Perdana Menteri menginap di Rumah Tetamu Darul Taqwa, Jerudong.

Turut serta dalam rombongan Malaysia ialah Timbalan Ketua Setiausaha I Kementerian Luar, Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid.

(END)